

03 AUG 2003

Mahathir-Bekalan

K'TAN, T'GANU DIMINTA TERIMA HAKIKAT TIDAK MAMPU URUS BEKALAN AIR

PUTRAJAYA, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak nampak bagaimana Kelantan dan Terengganu boleh mengecualikan diri daripada menerima keputusan kerajaan pusat mengambil alih pengurusan bekalan air di negeri-negeri.

Perdana Menteri berkata ini kerana kedua-dua negeri yang diperintah pembangkang itu tidak mempunyai wang yang cukup malah menghadapi lebih banyak masalah daripada negeri lain.

"Di Kelantan, umpamanya, mereka tak dapat bekal air yang ditapis dengan baik. Airnya nampak kelabu dan mereka sering meminta-minta pinjaman, bantuan daripada kerajaan pusat.

"Tak sikit yang diminta itu, minta sampai RM600 juta. Ini menunjukkan bahawa mereka tak mampu. Kalau kita tak bagi bantuan, maka orang Kelantan tak mungkin dapat air yang boleh diminum," katanya pada sidang media selepas menutup Karnival Putrajaya 2003 di sini malam ini.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyatakan pendirian tidak bersetuju kerajaan negeri masing-masing dengan keputusan kerajaan pusat itu.

Ditanya mengenai bantuan kewangan yang telah disalurkan itu, Dr Mahathir berkata: "Sepatutnya mereka perlu bayar, tetapi mereka tidak boleh mengharapkan lebih banyak bantuan kewangan daripada kita.

"Pada masa sekarang pun mereka tidak dapat membekalkan air. Jadi, jika mereka meminta lebih banyak bantuan kewangan, kita tidak boleh beri."

Perdana Menteri turut ditanya apakah tindakan lanjut kerajaan pusat jika keputusannya untuk mengambil alih pengurusan bekalan air itu tidak dipersetujui di peringkat Dewan Undangan Negeri di Kelantan dan Terengganu.

Beliau menjawab: "Kita kena tengok daripada segi Perlembagaan kita, apa kuasa kerajaan pusat, apa kuasa kerajaan negeri.

"Memang kalau nak adakan pindaan kepada Perlembagaan yang melibatkan negeri-negeri, maka negeri sendiri mestilah membuat keputusan menyokong," katanya.

Pada Rabu lepas, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu mengumumkan pengurusan bekalan air di negeri-negeri akan dipindahkan di bawah pentadbiran kerajaan pusat sepenuhnya.

Berikutan itu sebuah badan khas akan diwujudkan bagi menguruskan bekalan air ke seluruh negara.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai masalah yang dihadapi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung pendaftaran pengundi di Putrajaya, Dr Mahathir berkata penduduknya mungkin pindah ke situ dari tempat lain.

"Jadi, kadang-kadang dia tak nak daftar (sebagai pengundi) di Putrajaya. Macam saya sendiri, walaupun duduk di Putrajaya, saya daftar untuk mengundi di Anak Bukit (di negeri Kedah)," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin bilangan penduduk Putrajaya yang kini lebih 10,000 orang akan meningkat sebelum pilihan raya umum akan datang diadakan.

-- BERNAMA

MAM RHM